

Headline	THT masih membara kekal kejuaraan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	23 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Sukan	Page No	46
ArticleSize	236 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,444		



THT masih membara kekal kejuaraan

+ JUARA bertahan Liga Hoki Malaysia (MHL), Pasukan Hoki Tererigganu (THT) sedia untuk memberikan segala-galanya dalam tiga aksi terakhir musim ini bagi memastikan mereka dapat mengekalkan kejuaraan.

Meskipun menghuni tangga ketiga liga ketika ini dengan 19 mata, namun THT masih kurang satu perlawanan jika dibandingkan dengan dua pencabar, Tenaga Nasional Berhad dan Maybank yang berkongsi 20 mata.

Kapten THT, Mohd. Fitri Saari percaya, mereka tidak berdepan tugas mudah untuk mengekalkan trofi kejuaraan meskipun dilihat memiliki kelebihan.

"Tugas untuk mempertahankan kejuaraan bukan mudah. Apa yang penting kami sebagai

pemain perlu mengekalkan fokus hingga ke perlawanan terakhir menentang Maybank nanti.

"Memang betul kami ada kelebihan, jadi kami perlu turun dengan misi catat kemenangan dalam tiga aksi terakhir nanti," katanya ketika dihubungi *Kosmo!*

Terdahulu, THT terus mengejar kedudukan TNB dan Maybank yang menghuni kedudukan dua teratas selepas mencatat kemenangan 4-1 ke atas Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kelmarin.

Memandangkan TNB turut mengharapkan THT mencatat keputusan seri atau kalah menentang Maybank 27 Februari ini, Fitri menegaskan, mereka tidak ada cara lain selain mencatat kemenangan ke atas pencabar takhta liga itu.



FITRI (kiri) percaya tugas untuk mempertahankan kejuaraan agak sukar biarpun THT memiliki kelebihan kerana masih kekurangan satu perlawanan. - FB MHC